



## **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

### **KERAJAAN BERTEKAD UNTUK MENAMBAHBAIK PERSEKITARAN PERNIAGAAN MELALUI PEMODENAN PERATURAN DAN PENGURANGAN KARENNAH BIROKRASI**

1. Saya telah mewakili YAB Perdana Menteri merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di Melaka pada hari ini. Turut hadir adalah YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan; dan YB Tuan Ngwe Hee Sem, Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Kerajaan Negeri Melaka.
2. Ditubuhkan pada 2 Julai 1921, ACCCIM mempunyai 17 Ahli Konstituen yang berada secara berasingan di 13 negeri dan Wilayah Persekutuan Malaysia dengan keahlian melebihi 100,000.
3. Sumbangan ACCCIM adalah penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan komuniti perniagaan untuk berkongsi idea yang membina dan cara penyelesaian yang boleh dilaksanakan bagi merancakkan ekonomi, terutamanya dalam konteks pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19.
4. ACCCIM sentiasa memberi input kepada penggubalan dasar dan strategi ekonomi, terutamanya melalui Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam

mesyuarat EAC baru-baru ini, ACCCIM telah berkongsi hasil tinjauan ekonomi terkini yang dikendalikan. Antara lain, isu dan cabaran mengenai peningkatan kos untuk menjalankan perniagaan yang disebabkan oleh karenah birokrasi telah dibangkitkan.

5. Kerajaan mengambil serius mengenai perkara ini dan bertekad untuk terus menambahbaik persekitaran perniagaan untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan, terutamanya melalui memperkemaskan peraturan dan mengurangkan karenah birokrasi.
6. Kerajaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemuda Cara Perniagaan (PEMUDAH) sentiasa memastikan urusan para pemain industri dapat dipermudahkan lagi. Pelbagai inisiatif telah dan sedang giat dilaksanakan bagi memudahkan urusan menjalankan perniagaan, terutamanya melalui pemodenan peraturan-peraturan perniagaan agar tidak menjadi penghalang kepada pertumbuhan produktiviti dan daya saing peniaga, serta berupaya menyokong pertumbuhan ekonomi.
7. PEMUDAH yang dipengerusikan bersama oleh saya dan Ketua Setiausaha Negara serta YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw, Ahli Majlis Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi memperhalusi penyelesaian bagi menangani isu berkaitan dengan beban peraturan perniagaan yang dihadapi oleh pihak industri dan komuniti perniagaan.
8. Mesyuarat EAC yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 November 2021, dan 13 Jun 2022, telah bersetuju untuk memperkuuhkan inisiatif Malaysia Mudah atau MyMudah dengan

penubuhan **Unit MyMudah** di semua Kementerian dan Agensi Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta Persatuan Perniagaan.

9. **ACCCIM** merupakan antara **persatuan perniagaan terawal yang menubuhkan Unit MyMudah**.
10. Bagi merancakkan lagi program uji kaji peraturan yang dikelola oleh Unit-Unit MyMudah, Kerajaan juga bersetuju untuk mengurangkan sasaran tempoh penyelesaian isu daripada 12 bulan kepada 60 hari.
11. Sehubungan itu, komitmen daripada pihak swasta, terutamanya dewan perniagaan seperti ACCCIM adalah amat penting bagi menangani isu-isu beban peraturan yang tidak wajar ini melalui pendekatan kerjasama inovatif antara sektor awam dan swasta. Semoga dengan kerjasama ini dapat menambahbaik persekitaran perniagaan di Malaysia serta melonjakkan produktiviti, daya saing serta ekonomi negara.
12. Dalam pertemuan pada pagi ini, saya telah meminta ACCCIM dan dewan perniagaan lain untuk menyenaraikan secara terperinci halangan birokrasi yang dihadapi di setiap negeri. Sekretariat PEMUDAH dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan mengaturkan pertemuan dengan pihak berkenaan secara berkala supaya persekitaran perniagaan dan iklim pelaburan akan bertambah baik.
13. Kerajaan juga memandang serius ke atas impak kekurangan pekerja asing ke atas ekonomi yang sering dibangkitkan oleh pihak industri. Setakat 10 Jun 2022, daripada kira-kira 266 ribu kuota

pekerja asing yang diluluskan, hanya 19 ribu daripada 12 sumber negara yang telah memasuki Malaysia.

14. YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya proses kelulusan permohonan pekerja asing disegerakan agar tidak menjelaskan usaha pemulihan ekonomi. Keutamaan Kerajaan adalah untuk memastikan bekalan pekerja yang mencukupi untuk menyokong pemulihan sektor perniagaan. Susulan daripada ini, YB Menteri Sumber Manusia dan YB Menteri Dalam Negeri akan mengadakan sesi libat urus dengan kementerian dan agensi serta pihak yang berkenaan bagi mempercepat serta mempermudahkan lagi proses kemasukan pekerja asing yang telah diluluskan.
15. Walau bagaimanapun, bagi jangka panjang, Kerajaan menggesa supaya perusahaan untuk mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada pekerja asing melalui penggunaan teknologi dan automasi serta meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Perusahaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) disaran untuk mengambil peluang pelbagai kemudahan kewangan dan dana serta geran yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan untuk menyokong automasi dan pendigitalan ke arah mencapai Industri 4.0.
16. Penubuhan Unit MyMudah oleh ACCCIM merupakan langkah yang wajar dan menandakan komitmen pihak swasta untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan bagi menyelesaikan isu dan cabaran berkaitan beban peraturan (birokrasi) yang dihadapi, yang wujud dari semasa ke semasa dan perlu ditangani dengan kadar segera.
17. Kerajaan mengalu-alukan penyertaan dan komitmen daripada pihak swasta dan komuniti perniagaan seperti yang ditunjukkan

oleh ACCCIM untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian terhadap cabaran yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan. Kerajaan akan terus memantapkan peranannya sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan isu dan cabaran berkaitan peraturan bagi menambahbaik persekitaran perniagaan, melonjakkan produktiviti dan daya saing peniaga, serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

**MELAKA**

**25 JUN 2022**